

Pindaan baharu RMK-11 lebih realistik

KUALA LUMPUR - Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang dibentangkan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam disifatkan lebih realistik sekali gus berupaya untuk dilaksanakan.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Yusof Saari berkata, seperti dijangkakan kajian baharu tersebut memberi fokus bagi membuat jajaran semula kepada matlamat yang ingin dicapai pada tahun 2015.

"Melihat kepada keadaan ekonomi semasa, kerajaan Pakatan Harapan (PH) mula sedar mengenai matlamat yang tidak mampu dicapai sebelum ini seterusnya merencana sasaran baharu bersifat lebih nyata dan realistik."

"Sebagai contoh, kerajaan sebelum ini menjangkakan kadar

Keluaran Dalam Negara Kasar antara lima hingga enam peratus pada tahun 2015 namun menetapkan pada kadar 4.5 hingga 5.5 peratus ber-



MOHD. YUSOF



NOORIZZUDDIN



PENGANALISIS ekonomi memuji keputusan kerajaan untuk meningkatkan kuasa membeli rakyat dan memastikan kemajuan negara dinikmati segenap lapisan masyarakat.

dasarkan keadaan ekonomi semasa," katanya kepada *Kosmo!* di sini.

Mohd. Yusof menambah, kajian berkenaan turut memperlihatkan beberapa perubahan baharu termasuklah dari segi pelaksanaan strategi yang telah digariskan kerajaan.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Mohamad Noorizuddin Nooh menjelaskan, fokus ditetapkan kerajaan terhadap kuasa membeli rakyat merupakan satu keputusan terbaik.

"Ini merupakan satu pandangan menyeluruh dan inklusif berikutnya berupaya menggalakkan kerjasama antara kerajaan dengan pihak swasta untuk bersama-sama membangunkan ekonomi negara ke tahap lebih baik."

"Oleh itu, jika semua masalah ketirisan dalam pentadbiran negara dapat diperbaiki dan didokong sebaiknya dengan komitmen kerajaan, sasaran yang ditetapkan kali ini dilihat berupaya untuk dicapai," jelasnya.